

BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



pjkita



smartpj

BIL. 6/2021

• ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

📠 : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA



#PJ PRIHATIN KOMUNITI SEJAHTERA



ULANG TAHUN BANDAR RAYA PETALING JAYA KE-15 TAHUN

Berita Penuh MS 2



SUMBANGAN KHAS : MISI BANTUAN PRIHATIN COVID-19 MBPJ

Majlis menyampaikan sumbangan dan bantuan berbentuk wang tunai dan keperluan asas kepada kakitangan Majlis yang telah dijangkiti COVID-19 dan yang sedang menjalani perintah kuarantin oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Berita Penuh MS 3



OPERASI PEMATUHAN SOP PKP DI SKIM STRATA

Operasi untuk memastikan semua pihak yang terlibat dalam pengoperasian pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata di Petaling Jaya mematuhi SOP am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan SOP Sektor Pengurusan Strata yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mencegah penularan jangkitan COVID-19.

Berita Penuh MS 6

Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my [Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#) [pjcitycouncil](#) [pjktia](#) [smartpj](#)

PENAUNG
TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali

PENASIHAT
Haniza binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin
Muhammed Azmi bin Yusoff
Hasbullah bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazlyana Edurar binti Mazelan
Mohammad Shah bin Badlishah

JURU GAMBAR
Rusdi bin Mohammed Halik
Intan Khairana binti Md. Zali
Salimey bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Badrul Hisham bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin binti Mohammed Arifin
Amiera Firzahah binti Mohamad Rosnani

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya
• : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 ☎ : 03-7958 2695 ☐ : media@mbpj.gov.my



PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Aznan bin Hj. Hassan
Timbalan Setiausaha / Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan
Tel : 03-7960 3293

Mohd Rosnani bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

**Tn. TPr. Zain Azly bin
Abdul Rahman**
Timbalan Pengarah,
Jabatan Perancang
Tel : 03-7955 7934

Ir. Ismail bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

**Datin Sr. Amreeta Kaur
a/p Pretham Singh**
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Hamidah binti Hj. Ariffin
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

LAr. Dr. Badrulzaman bin Jaafar
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Lanskap
Tel : 03-7804 8907 samb. 104

Mohd Fauzi bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Pengurukuasaan
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan
Tel : 03-7960 4513

Mahzura binti Mohd Amin
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Hjh. Norlida binti Mohd Isa
Pengarah,
Unit Audit Dalam
Tel : 03-7954 0130

Norzita binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Tee Szu Fong
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi a/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan
(COB)
Tel : 03-7960 2055


**Pejabat Cawangan
Petaling Jaya Utara**
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942

ULANG TAHUN BANDAR RAYA PETALING JAYA KE- 15 : PJ PRIHATIN KOMUNITI SEJAHTERA

Merentas masa dari tarikh bersejarah 20 Jun 2006, merupakan detik penuh bermakna bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dinaik taraf statusnya daripada perbandaran ke bandar raya. Mengisi pembangunan Petaling Jaya yang mula dibuka pada tahun 1952, bandar raya bertuah ini mengalami evolusi pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi yang amat pesat sehingga kini.

Bertemakan "PJ Prihatin Komuniti Sejahtera" sempena ulang tahun perisytiharan ke-15 pada tahun ini, MBPJ menzahirkan inisiatif sosial yang telah dilaksanakan sejak saban tahun menerusi pelaksanaan pelbagai program bagi kemudahan dan kesejahteraan komuniti. Pembangunan dan inisiatif ini sejajar dengan Pelan Strategik MBPJ 2021-2025 dan berpandukan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN, SDG).

Sebagai PBT yang prihatin kepada rakyat, Majlis sentiasa mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat dengan penumpuan khusus perkhidmatan teras pengurusan bandar raya iaitu kemudahan dan infrastruktur awam, sisa pepejal, kebersihan, pengindahan bandar, pelesenan dan penguatkuasaan.



SUMBANGAN KHAS : MISI BANTUAN PRIHATIN COVID-19 MBPJ

Prihatin dengan nasib golongan yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19, Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui program *PJ City Food Bank* mengambil inisiatif dengan melaksanakan pemberian sumbangan makanan kepada penduduk miskin di Petaling Jaya yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020.

Sehingga kini, Majlis telah mengenal pasti sebanyak 980 buah keluarga yang akan menerima sumbangan bekalan makanan daripada *PJ City Food Bank* berupa barang makanan asas bernilai RM 100.00. Di samping itu, Majlis juga akan memberikan sumbangan yang sama kepada 21 rumah kebajikan seperti rumah anak yatim, rumah orang kelainan upaya (OKU) dan warga emas di Petaling Jaya.

Bagi menjayakan program ini, Majlis turut mendapat sumbangan daripada pemegang taruh seperti Ahli-ahli Majlis, syarikat-syarikat korporat, pemaju dan syarikat-syarikat iklan yang menjalankan perniagaan di Petaling Jaya. Kini, sebanyak 27 buah syarikat telah bekerjasama memberikan bantuan dari segi kewangan dan juga barang makanan dan keperluan asas. Sehingga kini, jumlah sumbangan keseluruhan berjumlah RM 104,800.00.

Pandemik COVID-19 ini telah memberi kesan yang mendalam terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah di Petaling Jaya berikutan ramai antara penerima sumbangan yang terputus sumber pendapatan sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan. Justeru, program ini turut mensasarkan 1,023 keluarga miskin bandar Petaling Jaya yang pendapatan isi rumah kurang RM 1,500.00 sebulan dan keutamaan diberikan kepada keluarga miskin yang mempunyai ramai tanggungan serta penerima merupakan golongan OKU atau mempunyai tanggungan OKU.

Selain itu juga, Majlis turut menyampaikan sumbangan kecemerlangan kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang 5A dan ke atas dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sumbangan kecemerlangan ini telah dilaksanakan setiap tahun kepada pelajar golongan B40 yang terpilih di 5 buah sekolah angkat yang telah disenarai pendek dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Daerah Petaling Utama. Selain memberikan pengiktirafan dan penghargaan, inisiatif ini juga dilihat mampu untuk memberi galakan dan dorongan serta mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan prestasi akademik masing-masing.

Pencapaian Majlis pada hari ini adalah hasil usaha dan kerjasama kakitangan yang sentiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi. Majlis juga akan menyampaikan sumbangan dan bantuan berbentuk wang tunai dan keperluan asas kepada kakitangan Majlis yang telah dijangkiti COVID-19 dan yang sedang menjalani perintah kuarantin oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

MBPJ amat berbesar hati dalam melaksanakan Misi Bantuan COVID-19 ini kerana program ini merupakan satu program yang sangat murni dan Majlis percaya jika lebih ramai lagi yang terlibat dalam memberi sokongan dan sumbangan, nescaya akan lebih ramai lagi penerima yang berkelayakan dapat menerima manfaat tersebut.

Majlis akan terus komited dalam memastikan sumbangan mereka akan terus diberikan kepada kumpulan sasar, selari dengan tema Sambutan Hari Ulang Tahun Bandar Raya Ke-15 pada tahun ini iaitu “PJ Prihatin, Komuniti Sejahtera”.



PEMANTAUAN ESSENTIAL SERVICES MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Selaras dengan pekeling Ketua Setiausaha Negara bertarikh 22 Mei 2021 yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0. Melalui ini, semua jabatan/agensi kerajaan termasuk pentadbiran kerajaan negeri Selangor juga tidak terkecuali dalam memastikan pengoperasian pejabat secara hibrid iaitu keberadaan di pejabat dan bekerja di rumah tanpa menjelaskan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

Seperti sedia maklum, kapasiti kehadiran di pejabat dibenarkan adalah sebanyak **20% sahaja bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara bekerja dari rumah**. Justeru itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengambil langkah yang pintar dengan mewujudkan platform perkhidmatan secara dalam talian (online) bagi **60 perkhidmatan perlu (essential services)** dan **47 perkhidmatan secara manual** dengan kaedah menggunakan borang temujanji, dengan menggunakan Google Form.

Untuk perkhidmatan ini, iaanya boleh diakses melalui laman sesawang www.mbpj.gov.my dan **mengimbas kod QR untuk proses membuat temujanji** mengikut Jabatan/Unit yang berkaitan. Bagi memantau keseluruhan penyampaian perkhidmatan perlu, Majlis telah mewujudkan platform '**Pemantauan Essential Services**' yang dikoordinasikan di bawah bilik gerakan **SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM (SCOR)**.

Terdapat 8 laporan yang disediakan adalah seperti berikut:

- i. Laporan semasa situasi COVID-19 di dalam organisasi dan di luar organisasi.
- ii. Tindakan pelanggaran syarat-syarat SOP mengikut zon dan Jabatan dalaman MBPJ di bawah Akta 342 dan Akta 171.
- iii. Laporan harian berkaitan Essential Services mengikut Jabatan/Unit.
- iv. Bantuan keperluan asas kepada kakitangan yang disahkan positif COVID-19.
- v. Laporan agensi luar.
- vi. Laporan tindakan penguatkuasaan.
- vii. Laporan temujanji secara dalam talian.
- viii. Aduan perkhidmatan MBPJ.

Bagi perkhidmatan dalam talian, sebanyak 29 perkhidmatan disediakan untuk kemudahan berurusan (<https://embpj.mbpj.gov.my/>) antaranya, perkhidmatan **Sistem Aduan Online**, **eCommerce Karung Kitar**, **Sistem eLesen**, **eMBPJ**, **eTempahan**, **MyPark**, **eCOreloved**, **eCOB**, **OSC Online**, **eBuilding MBPJ**, **Tender Online Selangor**, **ePay@MBPJ**, **ILMU**, **eTender**, **Smart PJ Enforcement**, **eCukai@MBPJ**, **Bazar@PJKITA**, **Smart Selangor Parking**, aplikasi **PJ City Bus** dan lain-lain.



PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 15 JUN 2021 - 28 JUN 2021

PERKHIDMATAN DAN PEMBAYARAN DALAM TALIAN

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

LAMAN WEB
MBPJ



SMART SELANGOR
PARKING



eMBPJ



ePAY



OSC Online



eBUILDING



eTEMPAHAN



TENDER
Online Selangor



eTENDER



eCOB



PJ CITY BUS



MY PARK



ILMU



eCOreloved



BAZAR
@PJKITA



eCOMMERCE
Karung Kitar

PERINGATAN
Semua warga Petaling setiap Jaya masa dinasihatkan agar mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan dalam penularan wabak Covid-19
Menjalani imbasan suhu badan → Membuat pengimbasan Kod OLE (MyKehitera / SELangor)
Sentiasa memakai pelitup separuh muka (Face Mask) → Mematuhi perjaraan fizikal yang telah ditetapkan

#KitaJagaKita #KitaTeguhKitamenang #KitaJanganAlpa

www.mbpj.gov.my Majlis Bandaraya Petaling Jaya pjcitycouncil



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19

PETALING JAYA

SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM (SCOR) : OPERASI BILIK GERAKAN COVID 19 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membuka operasi Bilik Gerakan COVID-19 Majlis Bandaraya Petaling Jaya, SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM (SCOR) di Bangunan Smart Centre, MBPJ bermula 1 Jun 2021.

Bilik gerakan SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM (SCOR) ini telah diaktifkan bertujuan untuk memberi kemudahan kepada orang ramai membuat pertanyaan berkaitan SOP COVID-19 dan berperanan sebagai penyelaras bagi memastikan semua Delivery System dan Essential Service Majlis dapat dijalankan dengan lancar. Bilik gerakan ini akan beroperasi 24 jam (Isnin hingga Ahad) dan boleh dihubungi di **talian 03-7960 1249, faksimili 03-7954 0120 atau e-mel; bilikgerakan@mbpj.gov.my**.

Majlis ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan perlu (essential services) MBPJ akan terus beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Bilik Gerakan SCOR ini juga akan memberi tumpuan terhadap 3 strategi utama dan menjadi fokus sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan PKP 3.0 seperti berikut:

i. Strategi Penguatkuasaan

Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan di seluruh kawasan Petaling Jaya berdasarkan kepada peruntukan undang-undang dan SOP dari Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pemantauan juga dilaksanakan secara digital melalui CCTV. Tumpuan rondaan merangkumi sektor ekonomi, perkhidmatan, perkilangan dan perindustrian, rekreasi, aktiviti penjaja dan tempat tumpuan awam.

ii. Strategi Pencegahan

Dari aspek "Health & Education", Majlis telah melaksanakan khidmat nasihat dari aspek kesihatan dan persekitaran. Tindakan sanitasi awam juga telah dilaksanakan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi selain kawasan yang menjadi tumpuan ramai.

iii. Strategi Hebahan dan Publisiti

Hebahan dan pemberitahuan melalui pembesar suara peronda dan CCTV secara berkala. Turut disebarluaskan di semua medium media sosial Majlis seperti Facebook, Twitter, Instagram, dan YouTube.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya turut berkolaborasi bersama pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya (IPD PJ) setiap hari melalui operasi-operasi penguatkuasaan secara bersepada. Operasi ini dapat mempertingkatkan penguatkuasaan dan keberkesanan di dalam tindakan penguatkuasaan. Ia telah dilaksanakan secara konsisten sejak 7 Mei 2021 sehingga kini.

Masyarakat dinasihatkan untuk terus mempraktikkan norma dan kebiasaan baharu sebagai satu amalan dan budaya dalam kehidupan seharian. Elakkan 3S/3C: iaitu elakkan kawasan yang sesak (Crowded place), elakkan kawasan yang sempit (Confined space) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (Close conversation).

Amalkan 3W: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (Wash), memakai alat penutup hidung dan mulut (face mask) di tempat awam atau jika bergejala (Wear), dan (Warn) iaitu amaran; Elak bersalaman / bersentuhan; Amalkan etika batuk dan bersin dengan cara yang betul, Dapatkan rawatan segera jika bergejala, Duduk di rumah dan elakkan amalan kunjung-mengunjung, Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Untuk terus berinteraksi, orang ramai amat digalakkan bersama MBPJ di media sosial rasmi MBPJ iaitu di **Facebook; Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Instagram dan twitter; pjcitycouncil** serta laman sesawang MBPJ; www.mbpj.gov.my.



OPERASI PEMATUHAN SOP PKP DI SKIM STRATA DAN TINDAKAN PENGKOMPAUNAN BAGI KESALAHAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988, AKTA 342

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama Unit Pengawalan Tempatan (PKPT) telah melaksanakan Operasi Pematuhan SOP PKP (Ops PKP) di Kelana Puteri Condominium Petaling Jaya.

Operasi tersebut adalah bertujuan untuk memastikan semua pihak yang terlibat dalam pengoperasian pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata dan komuniti strata di Petaling Jaya mematuhi SOP am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan SOP Sektor Pengurusan Strata yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mencegah penularan jangkitan COVID-19.

Operasi ini juga selaras dengan penurunan kuasa yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengeluarkan kompaun bagi kesalahan di bawah Akta 342 yang berkut kuasa pada 14 April 2021 yang lalu dan ini menjadikan MBPJ adalah PBT pertama di Malaysia yang berjaya melaksanakan Operasi Pematuhan SOP PKP di skim strata di bawah Akta 342 ini.

Selain itu, Majlis turut membuat semakan ke atas surat kelulusan beroperasi syarikat dan senarai pekerja yang telah diluluskan oleh kementerian berkaitan bagi memastikan tidak berlaku penyalahgunaan atau pemalsuan dokumen.

Jika terdapat sebarang ketidakpatuhan SOP, nilai kompaun yang boleh dikenakan adalah berdasarkan magnitud kesalahan kategori 3 Akta 342 iaitu sebanyak RM2,000 untuk kesalahan individu dan RM10,000 untuk kesalahan perbadanan bagi setiap kesalahan yang dilakukan.

Pada peringkat permulaan, Majlis telah menyenaraikan sebanyak 10 skim strata untuk dilawat dan diperiksa. Operasi ini akan diperluas ke seluruh skim strata yang melibatkan sebanyak 1,253 skim pemajuhan di Petaling Jaya yang diuruskan sama ada oleh pihak pemaju/JMB/MC/Ejen Pengurusan.

Diharapkan operasi sebegini dapat meningkatkan kesedaran dan menjadi pengajaran kepada pihak pengurusan skim strata yang lain sama ada Pemaju/JMB/MC/Ejen Pengurusan dan komuniti strata untuk sama-sama membantu negara melandaikan lenguk penularan jangkitan COVID-19 dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.






PROGRAM BAKUL MAKANAN FASA 3

SS5 & SS6, 3 JUN 2021 - Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazitah Hj. Ahmad telah menyampaikan sumbangan bakul makanan fasa 3 kepada golongan berisiko yang dikuarantin akibat Covid-19 dan keluarga B40 yang memerlukan dalam kawasan Zon 21.



SUMBANGAN COVID-19 DAN B40 FASA 3

PJS 1, 10 JUN 2021 – Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dengan kerjasama MPP Zon 17 dan Keadilan PJ Care telah menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada 50 orang penduduk daripada golongan B40 yang diadakan di Dewan Komuniti Flat Perangsang PJS 1.



PROGRAM ZON ILMU MPP ZON 22

KELANA JAYA, 13 JUN 2021 - Seramai 60 peserta telah mengikuti seminar dalam talian bertajuk "Lockdown Kesan Terhadap Kesihatan Mental" yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Azizah Othman, Ahli Psikologi Klinikal, Universiti Sains Malaysia. Seminar ini merupakan pengisian program zon ilmu Zon 22 yang diperkenalkan oleh Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar.



PROGRAM BAKUL MAKANAN KOMUNITI INDIA

LEMBAH SUBANG, 18 JUN 2021 - Pejabat Ahli Majlis Zon 4, Persatuan Integrasi Usahawan Selangor (PIUS) dan Keatchen telah menyampaikan sumbangan barang keperluan asas kepada 40 penerima komuniti India di PPR Lembah Subang 1. Sumbangan ini untuk membantu penduduk yang terkesan akibat pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP 3.0.



PROGRAM JALINAN KASIH

PJS 2, 20 JUN 2021 – Pejabat Ahli Majlis Zon 17 dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ telah menyampaikan sumbangan perabot terpakai yang telah dibaik pulih kepada dua keluarga B40 di Blok O, Pangaspuri Petaling Perdana. Hadir ke program ini Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dan Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ, En. Lee Lih Shyan.



PROGRAM BAKUL MAKANAN PETALING JAYA

PJS 2 & PJS 4, 20 JUN 2021 - Prihatin dengan kesulitan penduduk, gabungan Ahli Majlis MBPJ, Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Pn. Maria Chin Abdullah dan Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar telah melaksanakan program bakul makanan Petaling Jaya untuk edaran penduduk di zon-zon yang terjejas. Sebanyak 900 pak makanan asas telah berjaya disediakan dan sebanyak 150 pak telah diedarkan di Zon 18 melibatkan kawasan PJS 2 dan PJS 4. Edaran bantuan di Zon 18 turut disertai, Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik.



BEKALAN MAKANAN ASAS DUN SERI SETIA

LEMBAH SUBANG, 22 JUN 2021 – Program pengedaran bekalan makanan asas kepada penduduk dalam kawasan Dewan Negeri (DUN) Seri Setia telah berjaya membantu seramai 300 penerima sepanjang pelaksanaan PKP akibat pandemik Covid-19. Inisiatif ini merupakan kerjasama Ahli Dewan Negeri Seri Setia, YB Tn. Halimey Abu Bakar dan Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan.



PROGRAM FOOD BANK PKP 3.0

ARA DAMANSARA, 23 JUN 2021 - Seramai 500 penduduk telah menerima manfaat daripada penganjuran program *Food Bank PKP 3.0 Zon 4* yang digerakkan hasil kerjasama Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan, Keadilan PJ Care dan beberapa NGO yang prihatin dengan kesulitan penduduk yang dikuarantin serta yang terkesan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan. Program ini telah bermula pada 30 Mei 2021 sehingga 23 Jun 2021 mensasarkan penerima sumbangan dalam kalangan penduduk di PPR dan pangaspuri sekitar Ara Damansara.



PENYAMPAIAN BAKUL MAKANAN KEPADA PENGUSAHA BAS SEKOLAH DAN “FRONTLINER FOOD DELIVERY”

PJS 2, 27 JUN 2021 - Pejabat Ahli Majlis MBPJ Zon 17 dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Zon 17 dan Keadilan PJ Care telah menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada 50 orang pengusaha bas sekolah di Petaling Jaya yang terjejas pendapatan akibat penutupan sekolah kerana pelaksanaan PKP. Sumbangan turut disampaikan kepada penghantar makanan untuk menghargai jasa mereka yang memainkan peranan penting membantu kerajaan untuk memastikan penduduk kekal di rumah dan mematuhi SOP.



CUKAI TAKSIRAN Penggal Ke-2 2021

Daftar dan Bayar Melalui Aplikasi

eCukai@MBPJ



Imbas
Untuk
Muat
Turun



ANDROID



iOS

Jom Bayar Secara OnLine

atau

epay@mbpj



atau

BILLER CODE :
76737

SILA LAYARI

<https://embpj.mbpj.gov.my/#cukai>
Untuk Semakan Cukai Taksiran

TIADA PENGEPOSAN
Bil Cukai Taksiran
Mulai Tahun 2021

SILA JELASKAN
Cukai Taksiran
PADA ATAU SEBELUM
31 Ogos 2021

Untuk pertanyaan sila hubungi : 03-7956 3544 samb. 102, 103, 108 dan 109



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



WE LOVE
PETALING JAYA